



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 1/2021

1. Berkuatkuasa mulai **1 Mei 2021**, Menteri Kewangan selaras dengan subseksyen **34(3)(a)** Akta Cukai Perkhidmatan 2018 telah menetapkan bahawa **Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA)** dan Syarikat operator **Joint Development Area (JDA)** diberi **pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan** ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan di dalam JDA oleh mana-mana syarikat yang berada di Kawasan Utama Kastam (KUK).
2. Pengecualian adalah tertakluk kepada perkara berikut:
 - a) Pengecualian cukai perkhidmatan diberikan berkuatkuasa mulai **1 Mei 2021**;
 - b) Mana-mana **cukai perkhidmatan yang telah dikutip daripada pelanggan bermula 1 September 2018 sehingga 30 April 2021 mesti diremitkan** kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia berdasarkan seksyen 26 Akta Cukai Perkhidmatan 2018;
 - c) Permohonan daripada mana-mana orang untuk bayaran balik cukai perkhidmatan yang telah dibayar sebelum 1 Mei 2021 **tidak diluluskan**;
 - d) Cukai Perkhidmatan bagi perkhidmatan yang **telah disediakan oleh penyedia perkhidmatan tetapi belum dikeluarkan inbois atau cukai perkhidmatan yang telah dikenakan tetapi belum dibayar oleh pelanggan diberi remisi** di bawah subseksyen 40(1) Akta Cukai Perkhidmatan 2018; dan
 - e) Tiada pengecualian cukai perkhidmatan diberikan ke atas pengimportan perkhidmatan bercukai dan perkhidmatan digital ke dalam JDA.

NOTA : Selaras dengan penguatkuasaan Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 2/2022 pada 15 Ogos 2022, maka Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 1/2021 ini adalah terpakai sehingga 14 Ogos 2022.